



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA  
DENGAN PELIBATAN MURID DALAM AKTIVITI  
KOKURIKULUM DI SEKOLAH  
KEBANGSAAN DAERAH  
PETALING PERDANA  
SELANGOR**

**ROHANI BINTI BASRAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2020**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN  
PELIBATAN MURID DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM  
DI SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH  
PETALING PERDANA, SELANGOR**

**ROHANI BINTI BASRAN**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)  
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**



**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2020**







**UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS**

PEPERIKSAAN AWAM / JAMBAJAN KONGRES KEMAHKAMARAN

UPSP/PG/MB/23  
Date: 20 Dec 17

**Sila tandai (✓)**

☐ Kertas Putih

☐ Sijil Persekitaran Sekolah

☐ Persekitaran dan Kualiti Alam


☐ Dokumen Intimasi

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada - **15 DISEMBER 2020**

**i. Perakuan pelajar:**

Saya, **ROHANI BINTI BASRAN (M20181000852)** dari **FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk **PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PELIBATAN MURID DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH PETALING PERDANA, SELANGOR** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.




Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **DR MOHD ASRI BIN MOHD NOOR** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PELIBATAN MURID DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM DI SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH PETALING PERDANA, SELANGOR** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **HAZAH SARIANA PENGURUSAN PENDIDIKAN**.

Tarikh - **27/1/2021**



Tandatangan Penyelia

Prof. Madya Dr. Mohd Asri Bin Mohd Noor  
(Pegawai)  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
33000 Tanjong Malai  
Perak Darul Ridzuan



UPSI/IPS-3/BO 31  
Pind.: 01 m/s:1/1INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

**PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN  
PELIBATAN MURID DALAM AKTIVITI KOKURIKULUM DI  
SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH PETALING PERDANA,  
SELANGOR.**

No. Matrik / Matric No.:

**M20181000852**

Saya :

**ROHANI BINTI BASRAN**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-


☐**SULIT/CONFIDENTIAL**


Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

  
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 27/1/2021

Dekan  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim  
Perak Darul Ridzuan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



ptbupsi





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur kehadiranNya kerana memberi peluang dan ruang untuk saya menyiapkan disertasi kajian saya ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pensyarah Penyelia iaitu Dr Mohd Asri bin Mohd Noor kerana tidak jemu-jemu memberi bimbingan, dorongan, dan tunjuk ajar dalam menyiapkan disertasi ini serta banyak membantu dalam berkongsi ilmu pengetahuan serta pengalaman agar memperoleh hasil kajian dengan cemerlang. Tidak lupa juga kepada semua penilai disertasi saya di Fakulti Pengurusan Ekonomi yang memberi tunjuk ajar dan bimbingan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu saya Hajah Saraniah binti Ibos yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, suami tercinta, Kama bin Shaffeei serta anak-anak iaitu Adib Fahim, Mohamamd Adib Firhan, Aina Faqihah dan Adib Fawwaz yang tidak jemu-jemu memberi dorongan dan sokongan. Terima kasih juga kepada semua ahli keluarga tercinta yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Di kesempatan ini juga, sekalung penghargaan yang tidak terhingga khas buat Bahagian Tajaan Dan Biasiswa Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk belajar melalui Hadiah Latihan Persekutuan Cuti Belajar Bergaji Penuh. Semoga selepas ini saya akan terus bertugas dengan lebih cemerlang demi menjulang pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Tidak terkecuali juga, ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan dalam pengajian yang berkongsi pengalaman dan idea dalam pembelajaran sepanjang menyiapkan disertasi ini. Akhir kata, sekali lagi jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan disertasi ini. Hanya Allah sahaja dapat membalas budi kalian.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis Pengurusan Kokurikulum dan hubungannya dengan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana, Selangor Darul Ehsan. Kajian kuantitatif berbentuk deskriptif ini dijalankan secara tinjauan menggunakan instrumen soal selidik melibatkan responden seramai 404 orang guru dalam kawasan kajian yang dipilih secara persampelan rawak berstrata. Hasil dapatan kajian dianalisis secara kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan analisis korelasi Pearson menggunakan perisian Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) versi 22. Dapatan kajian bagi tahap pengurusan kokurikulum dan pelibatan murid adalah tinggi dimana bacaan bagi Tahap Pengurusan Kokurikulum menunjukkan purata min = 4.020 dan sisihan piawai = .625 manakala bacaan bagi Pelibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum pula adalah min purata = 4.25 dan sisihan piawai = .519. Namun dapatan analisis korelasi Pearson iaitu bacaan  $r = -.390$ ,  $\text{sig} = .300$  iaitu  $p > 0.05$  ( $p = .300$ ) memperlihatkan nilai tidak signifikan yang menunjukkan tidak terdapat hubungan antara pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dengan pengurusan kokurikulum di sekolah-sekolah yang terlibat. Implikasi kajian dapat memberikan input bermanfaat kepada para pengurus sekolah dalam mentadbir urus kokurikulum secara sistematik dan merancang pelbagai strategi yang efektif dalam usaha meningkatkan pelibatan murid yang menyeluruh dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.





**CO-CURRICULAR MANAGEMENT AND ITS RELATIONSHIP  
WITH PUPILS' INVOLVEMENT IN THE CO-CURRICULAR  
ACTIVITIES OF NATIONAL SCHOOLS  
IN PETALING PERDANA DISTRICT**

**ABSTRACT**

The purpose of this study is to analyse the co-curricular management level and its relationship with student involvement in co-curricular activities in national schools in Petaling Perdana district, Selangor Darul Ehsan. This quantitative study of descriptive was conducted in a survey using a questionnaire instrument involving a total of 404 teachers in the study area selected by stratified random sampling. The results of the study were analysed by frequency, percentage, mean, standard deviation and Pearson correlation analysis using SPSS version 22. The findings of the study for the level of co-curricular management and student involvement are high where the reading for the level of co-curricular management shows an average of mean = 4.020 and standard deviation = .625 while the reading for pupil involvement in co-curricular activities is the average mean = 4.25 and standard deviation = .519. However, the findings of Pearson correlation analysis  $r = -.390$ ,  $\text{sig} = .300$  that is  $p > 0.05$  ( $p = .300$ ) showed insignificant values indicating that there is no relationship between student involvement in co-curricular activities with co-curricular management in schools involved. The implications of the study can provide useful input to school managers in administering co-curricular management systematically and planning various effective strategies in an effort to increase the overall involvement of students in co-curricular activities in schools.



**KANDUNGAN**

|                                    | <b>Muka Surat</b> |
|------------------------------------|-------------------|
| <b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b> | ii                |
| <b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b> | iii               |
| <b>PENGHARGAAN</b>                 | iv                |
| <b>ABSTRAK</b>                     | v                 |
| <b>ABSTRACT</b>                    | vi                |
| <b>KANDUNGAN</b>                   | vii               |
| <b>SENARAI JADUAL</b>              | xi                |
| <b>SENARAI RAJAH</b>               | xiii              |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>           | xiv               |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>            | xv                |



|              |                                            |    |
|--------------|--------------------------------------------|----|
| <b>BAB 1</b> | <b>PENGENALAN</b>                          |    |
| 1.1          | Pendahuluan                                | 1  |
| 1.2          | Latar Belakang Kajian                      | 3  |
| 1.3          | Penyataan Masalah                          | 6  |
| 1.4          | Tujuan Kajian                              | 10 |
| 1.5          | Objektif Kajian                            | 10 |
| 1.6          | Soalan Kajian                              | 11 |
| 1.7          | Hipotesis kajian                           | 11 |
| 1.8          | Kerangka Kajian                            |    |
|              | 1.8.1 Kerangka Teoritikal Kajian           | 12 |
|              | 1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian           | 13 |
| 1.9          | Kepentingan Kajian                         | 14 |
|              | 1.9.1 Pihak Pengurusan Kokurikulum Sekolah | 14 |



|        |                                 |    |
|--------|---------------------------------|----|
| 1.9.2  | Kementerian Pendidikan Malaysia | 15 |
| 1.9.3  | Guru                            | 15 |
| 1.10   | Batasan Kajian                  | 16 |
| 1.11   | Definisi Operasional            |    |
| 1.11.1 | Pengurusan Kokurikulum          | 16 |
| 1.11.2 | Pelibatan Murid                 | 21 |
| 1.12   | Rumusan                         | 22 |

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

|       |                                                      |    |
|-------|------------------------------------------------------|----|
| 2.1.  | Pengenalan                                           | 23 |
| 2.2   | Model Pengurusan Stoner, Freeman & Gilbert (1995)    | 23 |
| 2.3   | Teori Pelibatan Astin (1999)                         | 25 |
| 2.4   | Definisi Kokurikulum Dalam Program Pendidikan        | 27 |
| 2.5   | Konsep dan Pelaksanaan Kokurikulum di Sekolah Rendah |    |
| 2.5.1 | Konsep                                               | 28 |
| 2.5.2 | Pelaksanaan Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Rendah   | 30 |
| 2.5.3 | Matlamat                                             | 31 |
| 2.5.4 | Objektif kokurikulum                                 | 31 |
| 2.5.5 | Strategi dan Pelaksanaan                             | 32 |
| 2.6   | Kajian-kajian Lepas                                  | 34 |
| 2.7   | Rumusan                                              | 47 |

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

|     |                    |    |
|-----|--------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan         | 49 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 50 |

|       |                                                                                                                                                             |    |
|-------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 3.3   | Populasi dan Sampel Kajian                                                                                                                                  | 51 |
| 3.4   | Lokasi Kajian                                                                                                                                               | 53 |
| 3.5   | Instrumen Kajian                                                                                                                                            | 53 |
| 3.6   | Kajian Rintis                                                                                                                                               | 57 |
| 3.7   | Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan serta Kebolehpercayaan Item Soal Selidik                                                                                 | 60 |
| 3.7.1 | Keputusan Kajian Kesahan Kandungan Soal Selidik Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Pelibatan Murid di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana | 62 |
| 3.8   | Prosedur Pengumpulan Data                                                                                                                                   | 64 |
| 3.9   | Prosedur Penganalisisan Data                                                                                                                                | 65 |
| 3.9.1 | Analisis Statistik Skor Min Deskriptif                                                                                                                      | 66 |
| 3.9.2 | Analisis Statistik Korelasi Pearson                                                                                                                         | 67 |
| 3.10  | Rumusan                                                                                                                                                     | 68 |

#### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|     |                                                                                                                                 |    |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.1 | Pengenalan                                                                                                                      | 69 |
| 4.2 | Analisis Demografi Kajian                                                                                                       | 70 |
| 4.3 | Dapatan Persoalan Kajian 1:<br>(Tahap Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana)                     | 78 |
| 4.4 | Dapatan Persoalan Kajian 2:<br>(Tahap Pelibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana) | 80 |

|     |                                                                                                                                                                                                                                          |    |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.5 | Dapatan Persoalan Kajian 3:<br>Analisis Statistik Inferensi (Korelasi Pearson)<br>(Hubungan Tahap Pengurusan Kokurikulum<br>dengan Tahap Pelibatan Murid Dalam Aktiviti<br>Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah<br>Petaling Perdana) | 83 |
| 4.7 | Rumusan                                                                                                                                                                                                                                  | 85 |

## **BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

|     |                                                                                                                                                                                                                                                 |     |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| 5.1 | Pengenalan                                                                                                                                                                                                                                      | 86  |
| 5.2 | Ringkasan Kajian                                                                                                                                                                                                                                | 87  |
| 5.3 | Perbincangan Dapatan Kajian 1: Tahap Pengurusan<br>Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah<br>Petaling Perdana                                                                                                                                 | 87  |
| 5.4 | Perbincangan Dapatan Persoalan Kajian 2: Tahap<br>Pelibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum<br>di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana                                                                                                   | 94  |
| 5.5 | Perbincangan Dapatan Persoalan Kajian 3:<br>Analisis Statistik Inferens (Korelasi Pearson-<br>Hubungan Tahap Pengurusan Kokurikulum dengan<br>Tahap Pelibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum<br>di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana | 104 |
| 5.6 | Kesimpulan Dapatan Hasil Penyelidikan                                                                                                                                                                                                           | 109 |
| 5.7 | Cadangan Kajian Lanjutan                                                                                                                                                                                                                        | 110 |
| 5.8 | Rumusan                                                                                                                                                                                                                                         | 111 |

|                |     |
|----------------|-----|
| <b>RUJUKAN</b> | 111 |
|----------------|-----|

|                 |     |
|-----------------|-----|
| <b>LAMPIRAN</b> | 121 |
|-----------------|-----|

**SENARAI JADUAL**

| <b>No. Jadual</b> |                                                                                                                                                                                     | <b>Muka surat</b> |
|-------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 3.1               | Pembahagian Soalan Item Instrumen Kajian Berdasarkan Model Proses Pengurusan Stoner, Freeman dan Gilbert (1995)                                                                     | 54                |
| 3.2               | Agihan Item dalam Instrumen Kajian                                                                                                                                                  | 56                |
| 3.3               | Skala Kesesuaian Item Instrumen Kajian oleh Panel Pakar                                                                                                                             | 57                |
| 3.4               | Interpretasi Skor Kebolehppercayaan                                                                                                                                                 | 57                |
| 3.5               | Tahap Kebolehppercayaan Item Soal Selidik Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Pelibatan Murid dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana    | 59                |
| 3.6               | Panel Penilai Kesahan Item Soal Selidik                                                                                                                                             | 61                |
| 3.7               | Kesahan Kandungan Soal Selidik Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Pelibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana (Keseluruhan) | 63                |
| 3.8               | Kesahan Kandungan Soal Selidik Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya dengan Pelibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana (Sub skala)   | 63                |
| 3.9               | Analisis Data Kajian                                                                                                                                                                | 66                |
| 3.10              | Skala Likert Soal Selidik (Likert, 1932)                                                                                                                                            | 67                |
| 3.11              | Jadual Pekali Korelasi (Alias Baba, 1997)                                                                                                                                           | 68                |
| 4.1.1             | Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Jantina)                                                                                                                                    | 70                |
| 4.1.2             | Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Umur)                                                                                                                                       | 71                |
| 4.1.3             | Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Sekolah)                                                                                                                                    | 71                |
| 4.1.4             | Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Pengalaman Mengajar)                                                                                                                        | 72                |
| 4.1.5             | Analisis Demografi Kajian Soal Selidik (Jawatan sekarang)                                                                                                                           | 73                |

|       |                                                                                                                                                                        |    |
|-------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.1.6 | Analisis Demografi Kajian Soal Selidik<br>(Pengalaman Memegang Jawatan sekarang)                                                                                       | 74 |
| 4.1.7 | Analisis Demografi Kajian Soal Selidik<br>(Tahap Pencapaian Aktiviti Kokurikulum sekolah<br>dalam tiga tahun kebelakangan ini (2017-2019)<br>Pasukan Badan Beruniform) | 75 |
| 4.1.8 | Analisis Demografi Kajian Soal Selidik<br>(Tahap Pencapaian Aktiviti Kokurikulum sekolah<br>dalam tiga tahun kebelakangan ini (2017-2019)<br>Kelab dan Persatuan.      | 76 |
| 4.1.9 | Analisis Demografi Kajian Soal Selidik<br>(Tahap Pencapaian Aktiviti Kokurikulum sekolah<br>dalam tiga tahun kebelakangan ini (2017-2019)<br>Sukan Permainan.          | 77 |
| 4.2   | Analisis Tahap Pengurusan Kokurikulum di<br>Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana                                                                                 | 79 |
| 4.3   | Analisis Pelibatan Murid Dalam Aktiviti<br>Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah<br>Petaling Perdana                                                                | 82 |
| 4.4.1 | Dapatan Korelasi Item Pelibatan Murid dalam<br>Aktiviti Kokurikulum                                                                                                    | 84 |
| 4.4.2 | Analisis Hipotesis Kajian                                                                                                                                              | 85 |



## SENARAI RAJAH

| No. | Rajah                                                         | Muka surat |
|-----|---------------------------------------------------------------|------------|
| 1.1 | Kerangka Teoritikal kajian                                    | 12         |
| 1.2 | Kerangka Konseptual Kajian                                    | 13         |
| 2.1 | Model Proses Pengurusan Stoner, Freeman dan Gilbert<br>(1995) | 23         |
| 3.1 | Formula Kesahan Kandungan Sidek & Jamaludin (2005)            | 62         |





## SENARAI SINGKATAN

|       |                                                           |
|-------|-----------------------------------------------------------|
| BPPDP | Bahagian Perancangan dan Penyelidikan<br>Dasar Pendidikan |
| FPK   | Falsafah Pendidikan Kebangsaan                            |
| GPK   | Guru Penolong Kanan                                       |
| JERI  | Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek                        |
| JPN   | Jabatan Pendidikan Negeri                                 |
| KPI   | <i>Key Performance Indicators</i>                         |
| KPM   | Kementerian Pendidikan Malaysia                           |
| PAJSK | Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan<br>Kokurikulum    |
| PBS   | Pentaksiran Berasaskan Sekolah                            |
| PPD   | Pejabat Pendidikan Daerah                                 |
| PPPM  | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia                     |
| SJKC  | Sekolah Jenis Kebangsaan Cina                             |
| SJKT  | Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil                            |
| SPARK | Sport Play Active and Recreation for Kids                 |
| SPI   | Surat Pekeliling Ikhtisas                                 |
| SPPK  | Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan                  |
| SPSS  | <i>Statistical Package for the Social Science</i>         |





## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- B Borang Kesahan Soal Selidik Pakar
- C Analisis Kesahan Kandungan Instrumen
- D Borang Soal Selidik Kajian
- E Analisis Data Statistik (Bab 4)
- F Salinan Sijil Pembentangan Seminar berkaitan kajian yang dijalankan





## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pengurusan merupakan satu set aktiviti yang merancang, mengorganisasi, menerajui dan mengawal sumber-sumber dalam organisasi yang meliputi staf, kewangan, fizikal dan membuat keputusan bagi mencapai matlamat organisasi secara berkesan dan efektif (Ricky W. Griffin, 2012). Pengurusan Kokurikulum penting dalam sistem pendidikan negara. Hasrat yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 untuk melahirkan generasi yang seimbang dan berfikiran aras tinggi perlu merujuk kepada masyarakat yang sihat dan cergas. Oleh itu, kemenjadian murid bukan hanya dapat dinilai berdasarkan keputusan peperiksaan sahaja. Sebaliknya, hasil keberkesanan proses persekolahan secara holistik berdasarkan kepada PPPM 2013-2025 yang merupakan kayu pengukur. Murid berpengetahuan, berkemahiran berfikir, berkemahiran memimpin, berkemahiran dwibahasa, beretika dan berkerohanian, serta mempunyai identiti nasional berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan enam ciri murid yang menjadi tonggak aspirasi negara. Penilaianelibatan murid dalam aktiviti akademik dan kokurikulum yang dianjurkan oleh guru dan pihak sekolah menjadi kayu pengukur terhadap kemenjadian murid.



Aktiviti kokurikulum pula ditakrifkan sebagai satu program atau aktiviti luar kelas yang diawasi oleh pihak sekolah serta disediakan pembelajaran yang berkaitan dengan kurikulum dan pengalaman pembinaan watak (Rahil Mahyuddin, 2012). Selain itu, aktiviti kokurikulum turut dikenali sebagai pendidikan masa lapang, kurikulum tambahan, dan aktiviti kelas tambahan. Keperluan kokurikulum yang direka adalah untuk menambah kursus formal murid, menggalakkan penyatuan dan penggunaan pengetahuan, serta memupuk kemahiran yang terdapat dalam program kurikulum dan bacaan melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam persekitaran yang berorientasikan kerjaya dan realiti semasa.

Pelaksanaan kokurikulum yang efisien amat penting untuk merealisasi hasrat PPPM (2013-2015). Apa yang dimaksudkan dengan keberkesanan pelaksanaan kokurikulum ialah sejauh mana pencapaian murid dalam sesuatu aspek di sekolah. Tahap pencapaian murid dalam sesuatu aktiviti dan kemahiran serta kebolehan tertentu yang ada padanya, yang diperoleh hasil daripada pelibatangannya dalam pelbagai aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah, secara langsung memperlihatkan keberkesanan aktiviti kokurikulum yang dijalankan di sekolah. Pengurusan kokurikulum yang berkesan juga mempunyai pengaruh tersendiri ke atas kecemerlangan sesebuah sekolah serta individu yang berada di dalamnya.

Menurut Mohd Fazli Hassan, Suhaida Abdul Kadir dan Soaib Asimiran (2013) murid dapat melengkapkan, memperkukuh dan memperkemas proses pembelajaran di dalam bilik darjah di samping pembentukan sahsiah yang positif melalui pelibatan dalam aktiviti kokurikulum. Kenyataan ini disokong oleh Wardatul Aishah Musa dan Nooraini Othman (2014) yang menekankan pelibatan murid dalam kokurikulum dapat menengetengahkan bakat dan potensi diri serta mampu bersaing dalam pembentukan sahsiah yang sihat.



Malahan, Anjakan ketiga dalam PPPM 2013-2025 telah menggariskan untuk melahirkan rakyat yang mempunyai penghayatan nilai serta pembangunan murid secara menyeluruh dengan meningkatkan pelibatan murid dalam setiap aktiviti unit kokurikulum. Bakat dan minat murid serta potensi diri mereka dapat dibangunkan dengan pelibatan murid dalam aktiviti di luar bilik darjah secara formal. Hasilnya, diharapkan dapat mengasah bakat kepimpinan dan keterampilan murid melalui pelibatan dalam aktiviti sukan permainan, kelab persatuan dan badan beruniform. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap pengurusan pengurus kokurikulum di Sekolah Kebangsaan bagi penambahbaikan mutu pengurusan Kokurikulum selain daripada meningkatkan kualiti aktiviti dan program kokurikulum yang dirancang dan dianjurkan dengan kerjasama pihak sekolah, PIBG dan masyarakat setempat.



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Melalui PPPM 2013-2025, program kokurikulum peringkat sekolah dimantapkan dengan memberi penekanan terhadap Lima Aspirasi dalam sistem Pendidikan Malaysia. Aspirasi pertama ialah akses dimana pendidikan untuk semua murid bermula dari peringkat prasekolah hingga ke menengah atas. Aspirasi kedua adalah kualiti, di mana kedudukan Negara berada dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa bagi tempoh 15 tahun. Aspirasi ketiga, adalah ekuiti iaitu mengurangkan sebanyak 50 % jurang antara bandar dan luar bandar. Manakala aspirasi ke empat, berkaitan dengan perpaduan iaitu sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai terhadap kanak-kanak dan aspirasi kelima pula adalah berkaitan dengan kecekapan sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada. Jika diperhalusi, aspirasi keempat dan kelima mempunyai perkaitan dengan kokurikulum. Melalui pelaksanaan





dan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum, mereka dapat berinteraksi dengan baik serta berkongsi pengalaman. Di samping itu, kecekapan sistem pengurusan kokurikulum sekolah dapat memastikan kemenjadian murid dalam kokurikulum. Aspirasi kelima selari dengan anjakan kesepuluh dalam Sebelas Anjakan dalam Transformasi Sistem PPPM iaitu memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit.

Ini jelas menunjukkan kemenjadian murid dalam bidang kokurikulum tidak terkecuali dari menjadi sasaran utama dalam sistem pendidikan Malaysia. PPPM juga telah menggariskan bahawa setiap murid diakhir persekolahan mereka akan dapat mencapai beberapa kemahiran tertentu antaranya ialah penguasaan ilmu pengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi, mempunyai penguasaan dwibahasa yang baik, mempunyai kemahiran kepimpinan serta turut mempunyai identiti nasional dan etika serta kerohanian. Gandingan yang mantap dan kerjasama yang baik antara semua unit pengurusan di sekolah seperti unit pengurusan organisasi sekolah, unit kurikulum, kokurikulum dan pengurusan hal ehwal murid perlu bagi memastikan kecemerlangan serta kemenjadian murid secara holistik tidak kira dalam bidang akademik mahupun kokurikulum. Tanpa kerjasama yang erat antara unit-unit pengurusan utama di sekolah, kecemerlangan tidak dapat dikecapi dengan mudah dan sekaligus hasrat PPPM tidak mungkin dapat dicapai sepenuhnya.

Menurut Zainal Ariffin Zainuddin, Yaakob Daud, dan Saiful Azmi Mohd Nor (2016), kemenjadian murid bukan hanya sekadar diukur dari segi pencapaian akademik sahaja, malahan turut diukur dari segi pelibatan aktif dalam bidang kokurikulum. Hasilnya, kesan daripada pelibatan dalam aktiviti kokurikulum, murid turut mengalami perubahan dari segi tingkahlaku, pembentukan sahsiah diri yang baik dan emosi yang sihat disamping melengkapkan dan memperkukuhkan proses pembelajaran di dalam kelas. Jelas disini bahawa kokurikulum memainkan peranan sebagai salah satu agen pembangunan modal insan yang mempunyai keseimbangan antara akademik dan sahsiah. Justeru itu, Kementerian



Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) selari dengan Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK). Penilaian dari sudut akademik dan kokurikulum diberikan penekanan dalam sistem ini. Salah satu komponen yang terdapat di dalam sistem PBS ialah penilaian berasaskan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) (Lembaga Peperiksaan, 2014). PAJSK menilai tahap pelibatan murid dalam aktiviti unit beruniform, kelab dan persatuan, sukan dan permainan, Ujian SEGAK serta jawatan yang disandang oleh murid.

Pengurus sekolah, iaitu guru besar perlu mempunyai kebolehan dan kemahiran mengurus yang baik disamping berilmu dan serba boleh untuk mentadbir sekolah bagi memenuhi dan seterusnya mencapai Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI) yang telah ditetapkan oleh KPM. Oleh sebab itu, perlunya seorang pengurus sekolah mempunyai ciri kepimpinan yang berkualiti dan mampu melaksanakan pengurusan kurikulum dan kokurikulum secara seimbang serta berkualiti agar dapat memberikan manfaat kepada pelajar (Ab. Alim, 2004). Selari dengan itu, guru besar sebagai ketua pentadbir sekolah dengan bantuan kepimpinan GPK Kokurikulum dan jawatankuasa kokurikulum sekolah perlu memastikan agar aktiviti kokurikulum dirancang, dikelola, dipimpin dan dikawal secara sistematik dan teratur bagi memastikan pelaksanaan kokurikulum yang berkesan. Kepimpinan pengurusan kokurikulum juga perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan yang luas tentang pengurusan kokurikulum dan panduan tentang pelaksanaan kokurikulum oleh KPM dan JPN serta memahami setiap isi kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) yang dikeluarkan dan bersedia untuk menjalankan setiap arahan kerana mereka adalah pakar rujuk utama bagi guru-guru di bawah pimpinan mereka.

Berdasarkan kepentingan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah rendah, kajian ini yang bertajuk “Pengurusan Kokurikulum dan Hubungannya Dengan Pelibatan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling

Perdana” dijalankan bagi mengetahui sejauh manakah tahap pengurusan kokurikulum dikalangan guru besar dan jawatankuasa kokurikulum sekolah rendah dilaksanakan dan adakah ia mempunyai hubungan yang kuat terhadap pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum.

### 1.3 Pernyataan masalah

Bukan hanya sekolah wajib melaksanakan kokurikulum, malahan institusi pengajian tinggi termasuk institusi pendidikan guru tidak terkecuali. Justeru itu, menjadi kesalahan sekiranya pihak pengurusan gagal dan dengan sengaja enggan melaksanakan kegiatan kokurikulum.

Merujuk kepada Akta Pendidikan 1996, sekiranya disabitkan kesalahan, pentadbir boleh dikenakan denda dan hukuman yang tertentu iaitu wang tunai melebihi Lima Ribu Ringgit Malaysia atau dipenjarakan tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya sekali. Berdasarkan akta tersebut, jelas dilihat betapa pentingnya pelaksanaan kokurikulum bukan hanya di peringkat sekolah malahan sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Oleh sebab itu pelibatan kokurikulum adalah wajib, pentadbir sekolah sama ada pengetua atau guru besar memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan prestasi dan mewatakkan sekolah ke arah yang lebih cemerlang. Walau bagaimanapun, kecemerlangan bukan hanya diukur melalui pencapaian akademik sekolah tersebut semata-mata, kecemerlangan dalam pencapaian kokurikulum juga turut diambil kira dan menjadi penentu kepada kecemerlangan sekolah. Menurut Norlena Salamuddin et al. (2011), pentadbir kokurikulum perlu kreatif dalam menggubal perancangan kokurikulum sekolah. Mereka juga perlu mempunyai pandangan jauh bagi memastikan pelibatan murid yang tinggi serta

pencapaian kokurikulum sekolah tidak ketinggalan. Badan yang bertanggungjawab dalam perancangan, pengelolaan, pengawalan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum perlu diwujudkan di sekolah. Ini penting bagi memastikan kecemerlangan kokurikulum seimbang dengan kecemerlangan akademik sekolah bagi mencapai hasrat PPPM (2013-2025) untuk menambahbaik kualiti kemenjadian murid selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Permasalahan ini turut disokong dalam kajian Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad (2012), dimana kebolehan pentadbir dalam merancang dan menganjurkan sesuatu aktiviti serta kebolehan menyediakan perancangan jangka pendek atau jangka panjang bagi aktiviti kokurikulum di sekolah masih sederhana dan perlu diberikan tumpuan. Oleh itu, pentadbir sekolah perlu lebih peka terhadap keperluan kokurikulum sekolah dan melengkapkan diri dengan ilmu pengurusan serta memastikan bidang kokurikulum diberi perhatian khusus oleh semua warga sekolah termasuk ibubapa agar hasrat PPPM untuk mewujudkan kemenjadian murid yang holistik tercapai. Kepimpinan pengurusan kokurikulum didapati kurang berjaya dalam merancang pembangunan yang sistematik hingga memberi kesan yang menyebabkan guru-guru kurang memberikan kerjasama.

Namun, berdasarkan kajian oleh Fauzi et al. (2014), telah menunjukkan bahawa guru baharu mempunyai tahap pengurusan yang tinggi. Ini adalah kerana kemahiran dalam pengurusan aktiviti yang dipunyai oleh guru baharu semasa di peringkat universiti amat membantu mereka. Malahan guru baharu juga didapati lebih aktif dan bertenaga berbanding guru yang telah lama berkhidmat. Walau bagaimanapun, dalam kajian tersebut hubungan yang lemah wujud di antara tahap pengetahuan guru dengan kebolehan mereka merancang aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah. Ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru baharu berkaitan pengurusan kokurikulum hanya memberikan pengaruh yang sedikit terhadap kebolehan mereka untuk mengurus kokurikulum terutama pada peringkat perancangan dan pelaksanaan di sekolah. Keadaan ini menjadikan perjalanan aktiviti

kokurikulum di sekolah agak kurang berkesan dalam memberi peluang kepada murid untuk terlibat dalam setiap aktiviti yang dijalankan. Ini menyebabkan sebahagian bakat murid tidak dapat dicungkil dan diketengahkan.

Jelas di sini bahawa, tiga komponen utama yang terdapat di sekolah iaitu manusia, fizikal dan kewangan perlu diurus tadbir dengan baik dan sistematik bagi memastikan objektif sekolah tercapai. Namun, berdasarkan kajian oleh Norziana (2013), dalam kesibukan untuk melakar kecemerlangan akademik sekolah sebagaimana yang telah ditetapkan, seseorang pengetua sebagai pentadbir sekolah, kurang memberikan perhatian kepada aktiviti kokurikulum di sekolah beliau. Malahan, peruntukan kewangan lebih banyak disalurkan kepada program-program akademik yang dapat meningkatkan prestasi sekolah terutama peperiksaan awam seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sehingga mengganggu kelancaran perjalanan program kokurikulum yang telah dirancang dan akan dijalankan kerana peruntukan yang sedikit (Norziana 2013). Kelemahan pengurusan komponen-komponen ini menyebabkan pencapaian sekolah baik dari segi akademik mahupun kokurikulum semakin merosot dari masa ke semasa. Oleh itu, dalam memastikan objektif program dan matlamat kokurikulum yang telah ditetapkan berjaya dicapai, kepimpinan pengurusan kokurikulum di sekolah rendah yang berkualiti, kreatif dan inovatif amat diperlukan dalam merancang, melaksana, mengawal dan memantau kegiatan aktiviti kokurikulum yang dijalankan. Di samping itu, semua pihak perlu sedar bahawa peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan sekolah, murid dan ibubapa amat penting. Semua pihak yang terlibat perlu sedar tentang kepentingan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum itu sendiri.

Walau bagaimanapun, kesedaran yang tinggi masih belum wujud di kalangan mereka tentang kepentingan pelibatan kokurikulum ini. Kenyataan ini adalah berdasarkan analisis

tahap pelibatan dalam aktiviti sukan dan kokurikulum tahun 2018 murid sekolah rendah di Malaysia (Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah 2018 Kementerian Pendidikan Malaysia) yang melibatkan seramai 436,677 orang murid menunjukkan hanya 18,767 murid memperoleh gred A iaitu 4.298 % berbanding seramai 282,060 orang murid mendapat gred B iaitu 64.592 %. Bagi pencapaian gred C seramai 132,058 orang murid iaitu 30.242 %. Manakala bagi pencapaian gred D seramai 3,622 iaitu 0.038 % , gred E seramai 164 orang murid iaitu 0.038 % serta tiada langsung pelibatan seramai 6 orang murid iaitu 0.001 %. Daripada analisis tersebut, dapat dilihat perbezaan peratus pelibatan murid yang bagi Gred A dan Gred B serta gred C dimana skala peratus tidak sekata dan masih ada murid yang tiada langsung pelibatan dalam aktiviti sukan dan kokurikulum di sekolah rendah.

Jika dilihat daripada statistik yang dinyatakan di atas, perlunya beberapa langkah drastik diambil oleh pihak pengurusan kokurikulum sekolah rendah dalam menambah baik kepimpinan pengurusan kokurikulum kerana kurangnya pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dapat mempengaruhi pelaksanaan kokurikulum itu sendiri. Menurut Wardatul Aishah Musa dan Nooraini Othman (2014), pelibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum membantu mereka menguruskan sesuatu aktiviti menggunakan segala pengalaman dan kemahiran yang diperolehi dan secara tidak langsung bakat dan potensi kepimpinan dalam diri mereka dapat dikenalpasti untuk diketengahkan dan diasah. Sekiranya murid tidak terlibat dengan kegiatan kokurikulum, hasrat PPPM untuk melahirkan murid yang mempunyai daya kepimpinan hanya akan menjadi angan-angan.

Berdasarkan permasalahan kajian yang dinyatakan oleh penyelidik di atas, perlunya satu kajian terhadap tahap pengurusan kokurikulum dikalangan jawatankuasa kokurikulum sekolah rendah dijalankan. Kajian ini perlu untuk mewujudkan pengurusan kokurikulum yang cekap bagi meningkatkan pelibatan murid yang menyeluruh dalam aktiviti kokurikulum



di Sekolah Kebangsaan khususnya dan seluruh sekolah rendah amnya. Selain dari itu, ia dapat merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan murid yang seimbang dari segi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI) dan mencapai prestasi yang ditetapkan oleh pihak pentadbir sekolah. Besar harapan agar kajian ini dapat menyumbang kepada peningkatan pengurusan kokurikulum di Sekolah Kebangsaan khususnya dan amnya di sekolah rendah kerana kebanyakan kajian-kajian lepas menunjukkan fokus kajian pengurusan kokurikulum lebih banyak dilaksanakan di sekolah menengah berbanding di sekolah rendah.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengurusan kokurikulum dan hubungannya dengan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di Sekolah Kebangsaan Daerah Petaling Perdana.

#### 1.5 Objektif Kajian

Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti tahap pengurusan kokurikulum dan hubungannya dengan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di Sekolah Kebangsaan dalam daerah Petaling Perdana. Khususnya objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menenal pasti tahap pengurusan kokurikulum Sekolah Kebangsaan di Daerah Petaling Perdana, Selangor Darul Ehsan.
- ii. Menenal pasti tahap pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum Sekolah Kebangsaan di Daerah Petaling Perdana, Selangor Darul Ehsan.





- iii. Mengkaji hubungan pengurusan kokurikulum dengan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum Sekolah Kebangsaan di Daerah Petaling Perdana, Selangor Darul Ehsan.

## 1.6 Soalan Kajian

- i. Apakah tahap pengurusan kokurikulum Sekolah Kebangsaan di Daerah Petaling Perdana, Selangor Darul Ehsan?
- ii. Apakah tahap pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum Sekolah Kebangsaan di Daerah Petaling Perdana, Selangor Darul Ehsan?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara pengurusan kokurikulum dengan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum Sekolah Kebangsaan di Daerah Petaling Perdana, Selangor Darul Ehsan?

## 1.7 Hipotesis Kajian




Bahagian ini menyatakan jangkaan awal pengkaji tentang hasil kajian dan antara sifat penting hipotesis adalah dapat menunjukkan hubungkait antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian, spesifik, jelas dan boleh diukur. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan hipotesis nol di mana melibatkan:

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan tahap pengurusan kokurikulum dengan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di Sekolah Kebangsaan dalam daerah Petaling Perdana, Selangor Darul Ehsan.



## 1.8 Kerangka Kajian

### 1.8.1 Kerangka Teoritikal Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Teoritikal kajian

Rajah 1.1 di atas menunjukkan kerangka teoritikal kajian yang melibatkan Model Pengurusan Stoner, Freeman dan Gilbert (1995) dan Teori Pelibatan Astin (1999). Teori Pelibatan Astin (1999) dapat menjelaskan tentang pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah rendah. Perkara asas dalam teori ini menerangkan pelibatan murid dengan bersungguh-sungguh mempelajari aspek akademik dan sosial sepanjang pembelajaran di sekolah. Astin (1999), menekankan pelibatan murid dengan jumlah tenaga fizikal dan psikologi serta

menumpukan kepada pengalaman mereka dalam pembelajaran akademik, aktif dalam berorganisasi dan aktiviti sesama murid dan berinteraksi dalam aktiviti kokurikulum. Hubungan model dan teori terhadap pengurusan kokurikulum menunjukkan bahawa terdapat pertalian antara keperluan pengurusan kokurikulum yang baik dan pelibatan murid dalam aktiviti luar bilik darjah. Manakala pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum merujuk kepada pelibatan murid dalam berpersatuan, badan uniform dan sukan permainan yang telah digariskan oleh KPM dan dilaksanakan dalam sistem persekolahan.

## 1.8.2 Kerangka Konseptual Kajian

### Pemboleh Ubah Tidak Bersandar

### Pemboleh Ubah Bersandar



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.2, Kerangka Konseptual Kajian mengandungi Model Pengurusan Stoner, Freeman dan Gilbert (1995) yang merupakan pembolehubah tidak bersandar dan terdiri daripada aspek pengurusan yang melibatkan empat proses iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Keempat-empat proses tersebut diterapkan dalam pelaksanaan pengurusan kokurikulum dalam kajian ini. Keempat-empat proses pengurusan ini menjadi panduan kepada guru besar sebagai pentadbir sekolah dan Guru Penolong Kanan

Kokurikulum untuk melaksanakan aktiviti dan program kokurikulum secara sistematis. Perancangan dan pelaksanaan pengurusan kokurikulum yang teratur dan bersistematik oleh pihak pengurusan kokurikulum membantu menyumbang kepada peningkatan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.

Jelas dapat dilihat melalui Kerangka Konseptual ini bahawa, pengurusan kokurikulum adalah penyumbang dan mempunyai hubungan terhadap pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum yang merupakan pembolehubah bersandar dalam kajian ini secara konsisten dan menyeluruh dalam aktiviti di semua peringkat penyertaan. Sehubungan dengan itu, perlunya amalan pengurusan kokurikulum yang cekap merangkumi aspek merancang, mengelola, memimpin dan mengawal oleh pihak pentadbir sekolah dibantu oleh jawatankuasa kokurikulum bagi memastikan aktiviti kokurikulum dapat dirancang dengan kreatif dan menarik serta dijalankan secara teratur dan sekaligus menyebabkan murid tertarik dan berminat untuk hadir serta mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum yang akhirnya akan menyerlahkan potensi diri murid dan sekaligus menyumbang kepada kemenjadian murid secara holistik selaras dengan aspirasi PPPM (2013-2015) berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

## 1.9 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini kepada:

### 1.9.1 Pihak pengurusan Kokurikulum sekolah

Kajian ini menyumbang kepada pemantapan pengurusan kokurikulum di peringkat sekolah rendah. Berdasarkan kajian, diharapkan penambahbaikan mutu pengurusan kokurikulum dikalangan guru besar dan GPK Kokurikulum

serta Jawatankuasa Kokurikulum di Sekolah Kebangsaan dapat dilakukan. Ini bagi memastikan kokurikulum di sekolah diuruskan dengan lebih sistematik dan seterusnya melakar kecemerlangan dari masa kesemasa.

### 1.9.2 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini diharapkan menjadi sumber rujukan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dalam memastikan pelaksanaan kegiatan kokurikulum secara menyeluruh di sekolah rendah khususnya. Langkah sewajarnya perlu diambil bagi mengatasi segala kekurangan dan kepinganan yang berlaku, menyemak semula semua sistem sedia ada, menambah baik kemudahan infrastruktur di sekolah, memberikan kursus serta latihan berkaitan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum kepada guru-guru serta melakukan penstrukturan semula sekiranya perlu. Keadaan ini perlu bagi memastikan kegiatan Kokurikulum di sekolah dapat di laksanakan dengan lancar dan berkesan.

### 1.9.3 Guru

Kajian ini juga dapat menjadi panduan kepada guru-guru dalam melaksanakan aktiviti ko-akademik di sekolah disamping membantu guru-guru menggarap idea bagi merancang aktiviti yang menarik dan kreatif bagi memastikan pertambahan bilangan pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum. Selain daripada itu, diharapkan juga agar timbul kesedaran pada diri guru-guru tentang tanggungjawab mereka dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah dan seterusnya melahirkan guru yang inovatif dan kreatif bagi melaksanakan kegiatan kokurikulum secara menyeluruh

khususnya di peringkat Sekolah Kebangsaan khususnya dan seluruh sekolah rendah amnya dalam menjayakan aspirasi pendidikan negara.

### **1.10 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan sekolah bandar dan dilaksanakan di Sekolah Kebangsaan dalam daerah Petaling Perdana. Sekolah-sekolah ini dipilih atas justifikasi bilangan murid dan guru yang ramai, pelaksanaan kegiatan kokurikulum yang menyeluruh dan berdasarkan bilangan murid serta guru yang ramai dan pelbagai kaum. Sekolah-sekolah yang di pilih juga terdiri daripada Sekolah Kebangsaan harian biasa serta Sekolah Kebangsaan yang telah diiktiraf sebagai Sekolah Kluster dan Sekolah Berprestasi Tinggi. Kriteria pemilihan sekolah-sekolah ini juga adalah berdasarkan tahap pencapaian sekolah dalam kokurikulum bermula dari peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Kajian ini hanya melibatkan Sekolah Kebangsaan dan tidak melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

### **1.11 Definisi Operasional**

Definisi operasional menjelaskan konsep-konsep utama dalam konteks kajian.

#### **1.11.1 Pengurusan Kokurikulum**

Istilah pengurusan didefinisikan sebagai suatu proses berterusan kearah pencapaian matlamat organisasi mengikut cara yang berkesan dan cekap (Aizzat et al, 2006).

Manakala takrif pengurusan menurut Mary Parker Follet dalam Samuel (1996) ialah



seni dalam melaksanakan sesuatu kerja melalui usaha atau kerjasama manusia dalam mencapai matlamat yang ditetapkan. Berdasarkan kepada pandangan Olum (2004), pengurusan merupakan satu seni atau sains untuk mencapai matlamat melalui manusia. Pengurusan juga merangkumi empat perkara utama dimana pengurus akan melaksanakan kerja-kerja perancangan, pengelolaan, memimpin dan mengawal selia setiap program yang dijalankan. Malahan, matlamat utama semua pengurus hanya satu iaitu mengurus bagi meningkatkan produktiviti yang menekankan keberkesanan dan efisien. Dari segi pentadbiran kokurikulum, ia berkait rapat dengan cara pengendalian kokurikulum yang melibatkan perancangan aktiviti dan seterusnya pelaksanaan, penilaian serta penyimpanan rekod markah kokurikulum yang dijalankan secara bersistematik dan tersusun. Oleh sebab itu, pentadbir sekolah perlu jelas tentang beberapa aspek penting dalam pengurusan kokurikulum. Kemampuan pengurus menguasai kemahiran merancang, mengelola, memimpin dan mengawal amat penting selain memastikan sekolah dapat menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat setempat. Merujuk kepada James A.F Stoner dan Charles Wankel dalam buku mereka 'Management', keempat-empat proses pengurusan ini boleh didefinisikan seperti berikut:

(i) Merancang

Merancang atau perancangan ditakrifkan sebagai satu garis panduan yang dirangka oleh pihak atasan sesebuah organisasi untuk mencapai maksud asal penubuhannya. Disamping itu, arah tuju organisasi, isu-isu berkaitan persoalan mengenai apa, bila dan bagaimana sesuatu pelan perancangan akan dilaksanakan dan siapa yang akan bertanggungjawab melaksanakannya akan dapat diputuskan. Manakala menurut Robbins and Coulter (1999), perancangan adalah satu proses yang melibatkan takrif objektif dan matlamat



organisasi, membentuk strategi keseluruhan bagi mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan serta membangunkan rancangan yang menyeluruh untuk menyelaraskan dan menintegrasikan semua aktiviti dalam organisasi.

Pada peringkat ini, pengurus sekolah menentukan apakah program yang akan dijalankan, siapa yang terlibat dan bagaimana sesuatu program tersebut akan dilaksanakan. Seterusnya objektif dan kaedah pencapaian keberkesanan paling maksima turut dikenalpasti melalui proses penetapan matlamat. Disamping itu, maklumat akan dikumpul dan dianalisis serta alternatif atau pilihan akan ditetapkan bagi menyediakan atau menghubungkan perancangan dengan keputusan.

## (ii) Mengelola

Proses mengelola adalah bagi mewujudkan rangka dasar yang baik untuk melaksanakan semua aktiviti berdasarkan perancangan yang telah dirancang, peralatan, staf serta kelengkapan perlu disediakan. Pengurus sekolah akan mengumpulkan segala komponen pekerjaan ke dalam satu struktur yang baik. Seterusnya jentera pelaksanaan diselaraskan dan struktur kuasa atau wibawa (authority) akan dibentuk sebelum kaedah dan prosedur pelaksanaan program disusun dan dijelaskan. Pengurus akan memilih, melatih dan memberitahu staf serta mendapatkan sumber-sumber lain yang diperlukan.

## (iii) Memimpin

Pengurus berusaha mempengaruhi gelagat pekerja supaya setiap tugas yang diberikan dilaksanakan dengan efektif dan efisien agar matlamat organisasi tercapai. Disamping itu, ia juga merupakan aktiviti mempengaruhi dan

memimpin individu lain yang terlibat dalam tingkah laku kerja yang diperlukan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh organisasi. Dalam peringkat ini, rangka kerja untuk masa dan perbelanjaan akan dibentuk. Keputusan dibuat oleh pengurus disamping mengeluarkan arahan-arahan tertentu kepada staf yang terlibat. Pengurus juga turut memimpin, mengelola serta memberi motivasi kepada staf.

(iv) Mengawal

Prestasi semasa setiap aktiviti organisasi dikawal oleh pengurus dalam proses mengawal dan tindakan penambahbaikan untuk memastikan hasil akhir kerja tercapai sebagaimana yang telah dijangkakan. Setiap aktiviti organisasi dikawal oleh pengurus bagi memastikan ia selaras dengan standard atau piawaian yang telah ditetapkan agar langkah seterusnya boleh diambil bagi penambahbaikan untuk mencapai matlamat organisasi. Penilaian dijalankan oleh pengurus terhadap semua kerja yang dijalankan di peringkat perancangan. Penyelewengan dan kelemahan dilaporkan segera agar dapat diperbetulkan. Pengurus turut menunjukkan jalan mengikut prosedur yang betul dengan cara membentuk matlamat dan taraf serta memperbaiki penyelewengan dan kelemahan yang telah dikenalpasti disamping menetapkan pencapaian.

Perkara utama yang perlu diambil perhatian dalam mengurus aktiviti kokurikulum di sekolah agar penetapan yang disarankan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia agar pengurusan kokurikulum dan sukan yang melibatkan aktiviti perlu dijalankan dengan cekap dan berkesan untuk memastikan fungsi sekolah sebagai institusi pembelajaran dalam usaha melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani

dapat dijalankan. Oleh itu, beberapa perkara perlu diambil kira dalam mengurus aktiviti kokurikulum di sekolah, antaranya ialah:

- (a) Meletakkan dan menjelaskan sasaran dan objektif kokurikulum yang perlu dicapai serta memastikan kepatuhan dan keselarasan pelaksanaan kokurikulum dan sukan.
- (b) Mengurus dengan baik kelab dan persatuan dengan menetapkan komponen dan mengenalpasti serta menubuhkan unit kokurikulum yang bersesuaian dengan iklim sekolah sebagai pengukuhan terhadap pembelajaran di bilik darjah dan seterusnya memastikan pelibatan murid secara menyeluruh.
- (c) Mengenal pasti kekuatan yang ada di sekolah seperti infrastruktur, tenaga kerja termasuk jurulatih, potensi murid, sumber kewangan dan teknologi.
- (d) Badan beruniform diurus bagi memastikan pelibatan murid yang menyeluruh serta pengukuhan terhadap pembangunan perwatakan pelajar dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.
- (e) Mengurus Program Sukan untuk semua bagi memastikan pelibatan murid secara menyeluruh sebagai pengukuhan terhadap pengetahuan, kemahiran dan pembangunan sahsiah pelajar.
- (f) Merancang dan menyusun kandungan program dan menetapkan aktiviti kokurikulum yang sesuai serta menyediakan jadual pelaksanaan sesi kokurikulum berdasarkan satu sistem yang rasional, ekonomi dan praktikal.
- (g) Mengurus Program Sukan untuk kecemerlangan sekolah bagi mengesan dan memperkembangkan bakat serta potensi murid ke arah peningkatan pencapaian sukan sekolah.

Menurut konteks kajian ini, pengurusan kokurikulum meliputi pelaksanaan aktiviti ko-akademik di sekolah rendah yang melibatkan semua murid dan guru dalam semua unit



kokurikulum yang ada dan didaftarkan di sesebuah sekolah. Semua aktiviti ini diurus dengan berpanduan Surat Pekeliling dan arahan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

### 1.11.2 Pelibatan Murid

Menurut Russell et al. (2005), pelibatan murid ialah tindakan yang mempunyai suatu tenaga yang mempunyai hubungan dengan sesuatu aktiviti yang dilakukan oleh seseorang. Melalui pelaksanaan Dasar Satu Murid Satu Sukan yang dikenali sebagai Dasar 1M 1S yang diperkenalkan pada tahun 2011, KPM telah mensyaratkan semua murid dan tidak ada yang terkecuali untuk bergerak aktif dan terlibat dalam setiap aktiviti kokurikulum di sekolah.

Pelibatan juga telah didefinisikan oleh Astin (1999) sebagai kadar tenaga psikologi dan fizikal murid yang digunakan dan berhubung dengan pengalaman yang diperolehi ketika sesi pembelajaran di dalam kelas. Merujuk kepada teori pelibatan Astin (1999), pengukuran kuantitatif boleh digunakan untuk mengukur pelibatan murid berdasarkan bilangan masa penyertaan murid tersebut dalam sesuatu aktiviti serta menghadiri sebarang perjumpaan. Malahan, pelibatan murid juga boleh diukur secara kualitatif dengan mengambil kira masa yang diluahkan oleh murid tersebut untuk berfikir mengenai pengalaman perjumpaan dalam sebarang aktiviti dalam kehidupannya.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah menetapkan penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum adalah bermula dari tahun 3 bagi murid sekolah rendah dan tingkatan 6 di peringkat sekolah menengah. Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/2007, peruntukan masa yang tertentu juga telah ditetapkan untuk pelibatan murid dalam aktiviti pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan, sukan dan permainan dan wajib disertai oleh semua murid. Sekurang-kurangnya selama 60 minit dalam seminggu perlu diperuntukkan bagi murid tahun 3 dan 4 untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum, manakala 120 minit



dalam seminggu pula untuk pelibatan kokurikulum bagi murid tahun 5 dan 6 serta antara 120 minit hingga 180 minit dalam seminggu untuk pelibatan bagi semua peringkat murid sekolah menengah.

Fokus kajian ini adalah kepada pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di Sekolah Kebangsaan khususnya dan amnya di sekolah rendah yang meliputi kelab dan persatuan, sukan dan permainan dan unit beruniform. Penyertaan semua murid adalah menyeluruh dan semua sekolah perlu melaksanakannya seperti yang diarahkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

### 1.12 Rumusan

Aktiviti kokurikulum adalah diwajibkan kepada semua murid di sekolah dan merupakan sebahagian daripada pendidikan yang dapat membantu memantapkan keupayaan dan prestasi murid serta membangunkan modal insan. Di samping itu, pengurus sekolah iaitu guru besar dibantu oleh Guru Penolong Kanan Kokurikulum berperanan untuk memartabatkan bidang kokurikulum, menentukan arah dan dasar yang sesuai untuk melaksanakan kegiatan kokurikulum dan merangka garis panduan untuk memantau kemajuan kegiatan kokurikulum, merancang program latihan dan mengembangkan kepakaran dalam pengurusan kokurikulum di sekolah.

Selari dengan itu, pentingnya pengurus sekolah mempraktikkan pengurusan kokurikulum yang sistematik dan cemerlang untuk meningkatkan pelibatan murid yang menyeluruh dalam aktiviti kokurikulum dan secara tidak langsung merealisasikan hasrat PPPM (2013-2025) bagi kemenjadian murid disamping melahirkan murid yang berketerampilan dan mempunyai gaya kepimpinan yang berkualiti.